



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

## SEMPENA

**PROGRAM SETAHUN BERSAMA MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI (WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**12 DISEMBER 2024**

**AUDITORIUM DBKL**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

**Ketua Pengarah – Dato' Indera Noridah Abdul Rahim**

**Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah – Dato' Thomas, Datuk Ramlee**

**Ketua-Ketua Agensi**

- Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Fadlun
- CEO Perbadanan Labuan, Encik Sukuran
- Pengarah Eksekutif Sosio Ekonomi – Encik Ismadi (wakil Datuk Bandar)
- Pengarah PTG Wilayah Persekutuan, Datin Paduka Rahilah – tahniah kerana baru sahaja dikurniakan Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor membawa gelaran Datin Paduka oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor semalam
- Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Encik Nik

Warga Jabatan Wilayah Persekutuan dan Agensi

Rakan-rakan media

Penonton-penonton siaran langsung di Facebook saya

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini dalam Program Setahun Bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan). Kehadiran anda semua ke majlis ini adalah merupakan manifestasi kebersamaan kita dalam memastikan kesejahteraan Wilayah Persekutuan terus dijaga dan juga dipelihara.
  
2. Terima kasih kepada Jabatan Wilayah Persekutuan yang telah menganjurkan program ini untuk kita sama-sama refleksi apa yang telah kita laksanakan sepanjang tahun 2024 dan juga untuk saya sampaikan harapan kepada semua warga kerja Jabatan Wilayah Persekutuan dan agensi tentang apa hala tuju untuk tahun 2025 nanti.

## BEKERJA SEDERAP DAN SELANGKAH UNTUK MENCAPAI KEHENDAK RAKYAT

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Sedar tak sedar, hari ini, 12 hari bulan Disember, genap setahun saya dinamakan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada hal ehwal Wilayah Persekutuan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim. Tidak dinafikan, pelbagai cabaran yang kita semua hadapi sepanjang setahun ini. Baik dari dalam maupun dari luar. Namun, apa yang penting cabaran itu telah dapat kita depani dan atasi bersama dan akhirnya, kita persembahkan apa yang terbaik yang diinginkan oleh rakyat. *This is where, expectations need to align reality.*
4. Dalam ucapan aspirasi saya pada 22 Februari 2024 yang lalu, saya memberi penekanan untuk semua warga kerja Jabatan Wilayah Persekutuan dari atas sehingga ke bawah untuk bekerja sederap dan selangkah bersama-sama saya selaku Menteri yang menerajui Wilayah Persekutuan dalam memberi khidmat yang terbaik kepada pelanggan atau rakyat secara keseluruhannya.
5. *To meet the expectation of the people, we must work together, aligned in the same page and on the same wavelength. With unity and shared purpose, I believe, no challenge is too great, and no goal is unattainable.*

6. Alhamdulillah, saya bersyukur dengan pasukan peneraju di Wilayah Persekutuan sekarang ini, dari Dato' Indera Ketua Pengarah, Ketua-Ketua Agensi hingga ke warga kerja Jabatan Wilayah Persekutuan dan agensi, yang sememangnya berada *on the same page and on the same wavelength* dengan saya sepanjang masa dalam memberikan khidmat yang terbaik buat rakyat.

## **UCAPAN SELAMAT DATANG DAN TERIMA KASIH KEPADA KETUA AGENSI**

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian,

7. Belum terlambat untuk saya ucapkan selamat datang kepada tiga orang Ketua Agensi yang telah pun memulakan tugas pada tahun ini, iaitu:

### **Pertama:**

Datuk Seri Townplanner (Dr.) Maimunah Mohd Sharif, Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik berkuat kuasa 14 Ogos 2024.

### **Kedua:**

Datin Paduka Rahilah Rahmat, Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan yang memulakan peranan ini pada 5 September 2024.

### **Ketiga dan yang paling terkini:**

Encik Sukuran Taib, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan yang dilantik berkuat kuasa 15 November 2024.

8. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Datuk Seri Property Manager Surveyor Haji Kamarulzaman Mat Salleh, mantan Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Tuan Haji Rithuan Ismail, mantan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan atas khidmat yang telah dicurahkan selama menjalankan tanggungjawab masing-masing.

## **PENCAPAIAN DAN PENGIFTIRAFAN UNTUK JWP DAN AGENSI SEPANJANG TAHUN 2024**

Para hadirin sekalian,

9. Saya ingin mengucapkan tahniah atas pencapaian-pencapaian bagi ketiga-tiga Pihak Berkuasa Tempatan di Wilayah Persekutuan, iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan yang telah menerima pengiktirafan 5 bintang dalam Anugerah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2024 pada Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan yang diadakan 26 Oktober baru-baru ini.
10. Selain itu, pada Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Kebangsaan 2024, PPj dan DBKL telah menerima pengiktirafan Anugerah Bandar Paling Mampan 2024 bagi pelaksanaan MURNInets, dan Jabatan Wilayah Persekutuan pula menerima penghargaan sebagai Pusat Operasi MURNInets Negeri yang terbaik bagi tahun 2024. Tahniah!
11. Bagi urusan pentadbiran tanah pula, tahniah saya ucapkan kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan yang telah berjaya mengutip hasil cukai sebanyak 118.2 juta ringgit, bersamaan 96.24 peratus bagi tahun 2024.

12. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Majlis Sukan Wilayah Persekutuan yang telah berjaya membawa kontinjen Wilayah Persekutuan sebagai Naib Johan dalam Kejohanan SUKMA di Sarawak baru-baru ini. Saingan yang diberikan oleh kontinjen kita sangat kompetitif. Secara keseluruhannya, kita telah menerima bilangan pingat yang tertinggi, manakala pingat emas hanya berbeda satu sahaja berbanding Johan, iaitu negeri Sarawak. Saya perlu juga untuk zahirkan ucapan tahniah kepada Dato' Thomas selaku *Chief de Mission* kontinjen Wilayah Persekutuan. Walaupun beliau orang Sarawak, tetapi memberikan sepenuh jiwa dan raga kepada Wilayah Persekutuan.

13. Saya sebut antara pencapaian terbaik sahaja. Sudah pasti banyak lagi pencapaian, anugerah dan pengiktirafan yang diterima yang tidak mungkin saya boleh sebut satu persatu dalam forum ini. Tahniah sekali lagi saya ucapkan.

**BANDAR CHASE PENDEKATAN BAHARU PEMBANGUNAN**  
**BANDAR**

Para hadirin sekalian,

14. Pada Januari yang lalu, saya telah mengadakan tiga edisi Temu Rapat bagi ketiga-tiga Wilayah Persekutuan untuk mendengar sendiri hasrat yang dikehendaki oleh rakyat Wilayah Persekutuan. Saya catat satu persatu semua *feedback* yang diberikan oleh rakyat Wilayah Persekutuan yang hadir dan dapatan Temu Rapat ini menjadi asas pertimbangan dalam menetapkan hala tuju untuk tahun ini.

15. Sehubungan itu, pada ucapan aspirasi saya yang lalu, saya telah memperkenalkan visi Wilayah Persekutuan, iaitu konsep Bandar CHASE, yang merupakan akronim kepada *Clean City, Healthy City, Advanced City, Safe City* dan juga *Eco-friendly City*. *CHASE City is not just a framework; it is a bold new approach to city-building that considers the holistic needs of modern urban spaces.*

16. Berbeza dengan inisiatif Bandar Pintar, Bandar CHASE *incorporate* kemajuan teknologi dengan kemampunan dan kelestarian alam sekitar. Bandar Pintar memberi fokus kepada *connectivity, efficiency* dan *technological*, tetapi Bandar CHASE memperluaskan prinsip ini dengan mengambil kira juga tentang kesihatan awam, penjagaan alam sekitar dan kesejahteraan komuniti.

17. Saya yakin, konsep Bandar CHASE ini akan memastikan Wilayah Persekutuan menjadi sebuah bandar yang bukan sahaja moden dan berteknologi tinggi bahkan mengutamakan kesejahteraan rakyatnya dan juga alam sekitarnya dalam usaha memastikan kebolehidupan atau *liveability* yang lebih berdaya tahan atau *resilient* dan mampan.

18. Alhamdulillah, sepanjang tahun 2024 ini, beberapa inisiatif CHASE telah kita laksanakan. Contohnya, melalui konsep *Clean City*, kita telah memperuntukkan kos sebanyak 18.7 juta ringgit untuk program Lestari Niaga yang memberi manfaat kepada seramai 2,711 orang peniaga dan penjaja kecil di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Program Lestari Niaga ini ialah salah satu penekanan yang sentiasa dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menstruktur dan menyusun semula peniaga dan penjaja kecil ke kawasan perniagaan yang lebih tersusun dan juga teratur. Pada tahun 2025 nanti, JWP akan menerima peruntukan sebanyak 5 juta ringgit untuk menaik taraf kemudahan perniagaan di Kuala Lumpur dan Labuan di bawah inisiatif Lestari Niaga ini, sekali gus meningkatkan kebersihan dan kesejahteraan peniaga serta pengunjung.

19. Selain itu, melalui projek *Kuala Lumpur Creative and Cultural District* atau KLCCD, di mana saya dan Menteri Kewangan kedua mempengerusikan Jawatankuasa Pemandunya, kita akan laksanakan 10 projek andalan dalam usaha untuk memastikan bandar Kuala Lumpur terus menjadi tumpuan dengan mengekalkan warisan Malaysia.

20. Alhamdulillah, pada tahun 2025, Kementerian Kewangan telah memperuntukkan sebanyak 600 juta ringgit bagi pemulihan Bangunan Sultan Abdul Samad dan Carcosa Seri Negara, serta pembinaan jambatan bertingkat menghubungkan Taman Botani Perdana dengan Carcosa Seri Negara.
21. Dua tahun mendatang ini, kita akan menghadapi dua program besar negara, iaitu Kepengerusian ASEAN pada tahun 2025 dan Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2026. Sehubungan itu elemen *Clean City* ini amat penting untuk menonjolkan imej Malaysia yang baik, bermula dari ibu kota negara iaitu Kuala Lumpur.
22. Di bawah konsep *Healthy City* pula, seramai 50,000 orang telah menyertai 50 siri KULFIT @ DBKL di taman-taman awam di Kuala Lumpur, dan seramai lebih 240,000 penyertaan dalam *KL Car Free Day* dan *Car Free Day Putrajaya*. Saya berharap agar program seperti ini dapat diteruskan lagi pada tahun hadapan dengan menarik lebih ramai lagi yang terlibat.
23. Baru-baru ini sewaktu Program Hari Cuci Malaysia, saya juga telah umumkan agar penguatkuasaan kebersihan dibuat kepada premis-premis di Kuala Lumpur. Sekiranya didapati premis tersebut tidak mencapai tahap kebersihan yang optimum, kita tidak akan sambung lesen perniagaan mereka.

**BANDAR PINTAR WILAYAH PERSEKUTUAN PRODUK DI BAWAH  
ADVANCED CITY**

Para hadirin sekalian,

24. Baru-baru ini, saya telah pun meluncurkan logo rasmi Bandar Pintar Wilayah Persekutuan yang diperkenalkan sebagai sebahagian identiti dan *branding* di bawah *Advanced City*. Alhamdulillah, secara keseluruhannya, sebanyak 37 inisiatif bandar pintar telah pun dilaksanakan di Wilayah Persekutuan.
25. Kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada PPj yang telah merangkul Anugerah Penarafan Bandar Pintar Malaysia Tahap 2 bagi kategori *Developing Smart City* pada Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Kebangsaan 2024.
26. Pada ucapan aspirasi awal tahun lalu, saya telah arahkan JWP untuk mewujudkan satu pusat data raya, di mana pemusatan data memampukan kita untuk melakukan analisis yang tepat dan akhirnya membolehkan kita mendatangkan dasar-dasar yang menepati keperluan kumpulan sasar kita. Alhamdulillah, JWP telah pun selesai mengumpulkan data-data dari ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Sebentar lagi saya akan luncurkan *dashboard* tersebut.

27. Walau bagaimanapun, *expectation* saya adalah data-data ini boleh digunakan untuk membantu saya membuat keputusan yang lebih tepat. Untuk tahun 2025, saya berharap agar JWP dapat memberi fokus dalam pewujudan pusat data raya ini dengan mengambil kira pendekatan analitik data raya atau *big data analytics* dan teknologi masa nyata atau *real time technology* untuk membantu dalam proses pembuatan keputusan yang lebih tepat dan bersasar.

## **KL STRIKE FORCE TINDAKAN BERSEPADU JAGA KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM DI KUALA LUMPUR**

Para hadirin sekalian,

28. Selain itu, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan pada 27 Mei 2024, saya telah pun bersetuju untuk menubuhkan satu pasukan yang kita namakan sebagai KL Strike Force, selari dengan konsep *Safe City*, bertujuan untuk menangani isu-isu terkait keselamatan dan ketenteraman awam di Kuala Lumpur. Dari awal pengumuman sehingga sekarang, KL Strike Force telah pun menerima respon yang sangat positif dari *citizen* dan *netizen*. Jadi saya pasti kita sedang berada *on the right track*. Ada yang maklum kepada saya, ini lah yang mereka inginkan dari dulu lagi.

29. Sejak penubuhannya, KL Strike Force telah berjaya menjalankan lebih 1,100 tindakan penguatkuasaan melibatkan lebih 2,200 tangkapan dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan, termasuk Jabatan Imigresen, PDRM, Jabatan Kastam, Kementerian Kesihatan, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, KPDN dan Agensi Antidadah Kebangsaan.

30. Menjadikan bandar raya Kuala Lumpur yang merupakan ibu kota negara sebagai sebuah bandar yang selamat adalah menjadi keutamaan saya. Sebab itu, dalam Parlimen baru-baru ini saya sebut – “jangan macam-macam di Kuala Lumpur”. Aktiviti-aktiviti seperti persundalan, peniagaan tanpa permit, struktur-struktur haram tidak sepatutnya ada dan tindakan seperti ini tidak boleh mendapat tempat di Kuala Lumpur.

31. Walau bagaimanapun, saya minta supaya DBKL dan semua agensi KL Strike Force untuk bertindak lebih proaktif berbanding bersifat responsif atau reaktif hanya kepada aduan semata-mata. Tempat-tempat yang telah kita ambil tindakan perlu dibuat *repurpose* dengan kadar yang segera. Jika tiada perancangan, boleh pertimbangkan untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan hijau atau kawasan lapang.
32. Isu banjir kilat juga sentiasa menjadi bualan rakyat di Kuala Lumpur. Namun begitu, saya perlu beri pujian juga kepada DBKL dan pasukan yang bertindak segera apabila berlakunya banjir kilat pada 15 Oktober baru-baru ini. Saya ingin maklumkan bahawa di bawah Pelan Mitigasi Bencana Banjir Kilat dan Cerun Kuala Lumpur, sebanyak 14 projek pemantauan dan penyelenggaraan *hotspot* dan cerun telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024.
33. Terkehadapan, kita perlu lihat potensi untuk meneroka konsep inovatif seperti *Sponge City* atau *on-site stormwater detention* (OSD) bagi memastikan Kuala Lumpur terus mampan dan tidak lagi dibelenggu dengan isu banjir kilat, walaupun saya faham, ada perkara yang di luar kawalan kita seperti *climate change*, tetapi saya berpandangan perlu untuk kita meneroka usaha-usaha ini.

## WALKABLE CITY DAN KEBUN KOMUNITI SALAH SATU PENCAPAIAN ECO-FRIENDLY CITY

Para hadirin sekalian,

34. Bagi konsep *Eco-friendly* pula, kita telah berjaya menambah sejauh 6.6 kilometer laluan pejalan kaki dan basikal di Kuala Lumpur yang menjadikan keseluruhan jajaran laluan ini adalah sepanjang 66.7 kilometer. Untuk tahun 2025, saya minta DBKL untuk terus berusaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai *walkable city* dan boleh menjadikannya sebagai salah satu tarikan pelancong ke Malaysia.

35. Pada tahun ini juga, saya beri fokus khusus kepada konsep kebun komuniti di mana saya telah menetapkan sasaran 1 komuniti 1 kebun di Wilayah Persekutuan. Walaupun saya tahu sukar untuk kita laksanakan, tetapi sehingga tahun 2024 ini, kita telah berjaya mewujudkan sebanyak 73 kebun bandar seluas 25.07 ekar dengan pengusahaan tanaman kontan bagi mengoptimumkan penggunaan tanah yang terhad dan ruang persekitaran yang lebih mampan. Kebun komuniti ini juga boleh dipelbagaikan bukan sahaja perlu berfokus kepada tanaman kontan, dan tidak juga perlu tertumpu hanya di kawasan yang besar, sebaliknya kawasan yang kecil juga boleh dimanfaatkan dengan menggunakan teknologi-teknologi terkini.

## PUJI SEBUAH PENDEKATAN INKLUSIF TANGANI ISU SOSIOEKONOMI DI WILAYAH PERSEKUTUAN

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

36. Februari lalu, saya juga telah meluncurkan satu *signature program* Jabatan Wilayah Persekutuan iaitu Program Usaha Jaya Insan atau PUJI, yang merupakan sebuah pendekatan inklusif dalam menangani isu sosioekonomi di Wilayah Persekutuan. Sebanyak 3.7 juta ringgit telah diperuntukkan untuk melaksanakan PUJI dari tahun 2023 hingga tahun 2026.

37. Secara peribadi, saya amat berbangga dengan pencapaian yang kita peroleh dalam PUJI ini. Seramai 99.9% daripada *locked data* atau secara spesifiknya 1,523 Ketua Isi Rumah telah berjaya keluar daripada kategori miskin tegar, dengan 283 Ketua Isi Rumah diberi peluang perniagaan melalui inisiatif Basmi Miskin Tegar, yang merupakan inisiatif mendayaupayakan Ketua Isi Rumah yang masih produktif.

38. Banyak *success story* dari program ini dan kita kena cerita kepada orang lain tentang kejayaan mereka ini. Ada yang berpendapatan sehingga 9 ribu ringgit hingga 30 ribu ringgit sebulan, sehinggakan ada di antara mereka telah pun mula membayar cukai dan zakat. Jika dulu mereka menerima, sekarang mereka memberi. Alhamdulillah. Jadi, saya minta untuk pihak Jabatan Wilayah Persekutuan untuk kenal pasti dan sediakan *success story* mereka yang berjaya daripada program ini untuk kita uar-uarkan kejayaan mereka ini kepada rakyat di luar sana dalam pelbagai platform supaya menjadi contoh kepada semua.

39. Selain itu, melalui *flagship* Lindung @ PUJI pula, sebanyak 10 projek Residensi MADANI dibangunkan di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Manakala, sebanyak 7,913 unit Residensi Wilayah telah pun berjaya ditawarkan kepada warga Wilayah Persekutuan bagi tahun 2024. Di Kuala Lumpur pula, sebanyak 2,471 unit *council home* untuk penyewaan kakitangan DBKL, golongan B40 dan M40 turut disediakan.

40. Pelancaran projek Dapur Digital oleh Pepper Labs dengan kerjasama JWP, Kementerian Kewangan dan Yayasan Hasanah pula telah berjaya melahirkan seramai 50 usahawan dan saya harap konsep seperti ini boleh diperluaskan lagi di semua PPR dan Perumahan Awam di Kuala Lumpur dan Labuan pada tahun hadapan.

41. Pada tahun ini juga, buat julung kalinya, JWP telah menaja caruman tahun pertama PERKESO di bawah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah dan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri yang memanfaatkan seramai 434 orang suri rumah berstatus miskin dan 756 orang penjaja dalam program Lestari Niaga di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

42. Buat pertama kali juga, tahun ini saya telah mengumumkan sumbangan khas jemaah haji muassasah Wilayah Persekutuan berjumlah 1.1 juta ringgit kepada jemaah haji muassasah di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

43. Dalam usaha memperkasa komuniti dalam bersama-sama JWP membantu rakyat, <next> sebanyak 3.8 juta ringgit telah disalurkan kepada 79 badan bukan kerajaan atau NGO untuk melaksanakan program kemasyarakatan.

44. Ini adalah antara kejayaan-kejayaan yang dikehapi sepanjang setahun pelaksanaan PUJI. Alhamdulillah, baru-baru ini sewaktu keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke Labuan, saya berkesempatan untuk menerangkan konsep PUJI ini kepada Baginda. Baginda bertitah kepada saya bahawa Baginda berhasrat untuk *replicate* konsep PUJI ini di Johor. Ini membuktikan bahawa Seri Paduka Baginda sendiri pun telah mengiktiraf program PUJI ini. Alhamdulillah.

## **PENCAPAIAN SETAHUN DI LABUAN**

Para hadirin sekalian,

45. Antara yang menjadi fokus utama saya dari awal dilantik adalah untuk meningkatkan semula ketampakan dan sosio ekonomi Labuan sebagai salah sebuah Wilayah Persekutuan serta penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK per kapita yang kedua tertinggi di Malaysia selepas Kuala Lumpur. Limpahan ekonomi ini perlu dirasai oleh rakyat Labuan.
46. Lawatan kerja yang pertama saya ke Labuan pada 11 hingga 15 Januari 2024, kita telah mengadakan program Temu Rapat Dr. Zaliha edisi Labuan, di mana saya mendengar semua keluhan, cadangan dan kritikan daripada penduduk-penduduk Labuan sendiri.
47. Hasil dari program tersebut, saya telah menuahkan 3 task force, iaitu Task Force Pelancongan, Task Force Transhipment dan Bebas Cukai serta Task Force Jambatan Labuan-Menumbok. Walaupun ada sindiran-sindiran dari sesetengah pihak, saya sendiri melihat ada perkembangan yang positif dari ketiga-tiga Task Force ini.

48. Walau bagaimanapun, seperti yang saya selalu katakan, sebelum kita sebut berkenaan perkara yang besar, perkara asas seperti bekalan air dan elektrik di Labuan ini perlu diselesaikan terlebih dahulu. Alhamdulillah, untuk tahun 2024, gangguan bekalan air di Labuan telah dapat dikurangkan. Sebanyak 454.88 juta ringgit diperuntukkan untuk pembaikan sistem dan saluran air dengan jarak 106.7 kilometer. Sehingga suku ketiga tahun ini, 37 kilometer telah pun diselesaikan. Selain itu, jumlah aduan juga telah berkurang sebanyak 36 peratus berbanding tahun lalu. Sebelum siap semua projek ini, sebagai langkah jangka sederhana, kita telah mengagihkan sebanyak 1,000 tangki air kepada rumah-rumah di Labuan, Kolej Matrikulasi Labuan dan Sekolah Menengah Sains Labuan yang sering terkesan akibat terputus bekalan air.

49. Manakala, bagi isu bekalan elektrik pula, secara asasnya Labuan memerlukan purata 70 megawatt bekalan elektrik sehari, dan pembekalan yang dibekalkan pula adalah sehingga 110 megawatt. Dalam pada itu, dua projek ladang solar di Tanjung Kubong dan Kampung Bukit Kalam berkapasiti 15 megawat telah pun siap 100% untuk menampung isu pembekalan elektrik ini. Insya-Allah, ia mencukupi untuk rakyat Labuan. Saya juga dengar sendiri daripada rakyat Labuan bahawa, alhamdulillah keadaan pembekalan elektrik sekarang ini adalah lebih stabil dan semakin membaik berbanding sebelumnya.

50. Isu Jambatan Labuan-Menumbok yang sentiasa menjadi persoalan setiap kali saya datang ke Labuan. Dalam isu ini, saya konsisten dengan pandangan bahawa jambatan ini adalah *game changer* kepada Labuan. Saya berbincang dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Fadillah dan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alex untuk kita mengenal pasti *business model* yang terbaik bagi jambatan ini yang sudah pasti akan menelan belanja yang sangat besar.

51. Alhamdulillah, dalam Belanjawan 2025, saya dimaklumkan oleh Menteri Kerja Raya, sejumlah 3 juta ringgit telah pun diperuntukkan untuk melaksanakan kajian kebolehlaksanaan atau *feasibility studies*. Walaupun ada yang kata sebelum ini, kita dah pun pernah laksanakan *feasibility studies*, tetapi hakikatnya kajian tersebut telah pun *outdated* dan tidak lagi boleh diguna pakai sebagai sandaran.

52. Jadi, sementara tunggu adanya jambatan ini, adakah kita perlu hanya duduk diam dan berpeluk tubuh? Jawapan saya sudah tentulah tidak. Kita cari alternatif. Antaranya menambah baik perhubungan udara dan laut. Alhamdulillah, kita telah menerima penambahan kekerapan penerbangan dari syarikat AirAsia dari Kuala Lumpur ke Labuan dan Labuan ke Kuala Lumpur.

53. Selain itu, untuk feri ekspres Labuan-KK-Labuan pula kita telah pun bersetuju untuk kembalikan semula dalam masa terdekat. Baru-baru ini saya maklumkan insya-Allah feri ekspres ini dicadangkan bermula pada 15 Disember 2024, 3 hari dari sekarang. Walau bagaimanapun, pelaksanaan feri ekspres ini adalah tertakluk kepada ketersediaan dan kelulusan beberapa pihak, dan prosesnya sedang diusahakan sebaik mungkin. Saya minta rakan-rakan media yang ada di sini untuk laporkan isu ini.

54. Berkenaan tambang feri pula, beberapa hari lepas mula tular di beberapa group Facebook di Labuan yang juga memaparkan surat cadangan harga tambang oleh LDA Labuan Holdings Sdn. Bhd. kepada Perbadanan Labuan.

55. Saya nak umum bahawa, bagi warganegara Malaysia, Kerajaan akan memberikan subsidi sebanyak 50% daripada harga tambang yang dicadangkan. Insya-Allah ini akan mengurangkan serba sedikit bebanan mereka yang menggunakan feri ini sebagai mod pengangkutan.

**PRODUK PELANCONGAN SEBAGAI SEKTOR BAHARU**  
**PENINGKATAN EKONOMI DI LABUAN**

Para hadirin sekalian,

56. Sebelum ini, di Labuan sektor *oil and gas* menjadi antara sektor utama ekonomi. Namun begitu, selepas COVID-19 melanda, sektor ini tidak lagi semeriah dulu. Jadi, kita perlu cari sektor lain yang boleh menyumbang kepada ekonomi Labuan, dan kita telah pun kenal pasti sektor tersebut, iaitu sektor pelancongan. Labuan berpotensi menjadi antara pusat pelancongan yang bertaraf antarabangsa sekiranya disusun atur strategi nya dengan betul.

57. Lawatan kerja saya yang terkini di Labuan minggu lepas, saya telah pun mengumumkan 1 juta ringgit pada tahun hadapan untuk sektor pelancongan di Labuan. Saya minta CEO Perbadanan Labuan untuk teliti dan menjadikan ini sebagai *high priority*. Selain 1 juta ringgit untuk menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan tarikan pelancongan, saya juga akan memastikan lebih banyak program-program berskala besar dilaksanakan di Labuan selain program sedia ada. Antaranya yang akan dilaksanakan pada tahun 2025 ialah program Labuan Half Marathon sempena Hari Wilayah Persekutuan pada Februari 2025 dan buat julung kalinya kita akan adakan Borneo Flora Festival atau singkatannya BFF pada Julai 2025.

58. Saya yakin dengan adanya program bertaraf antarabangsa seperti ini, Labuan akan menjadi tarikan pelancong dan dalam masa yang sama kegiatan sosioekonomi di dalam pulau akan terus berkembang. Berkenaan ketersediaan fasiliti menjelang program-program besar ini, saya minta CEO Perbadanan Labuan untuk beri fokus juga tentang isu ini.

59. Dalam masa yang sama, saya minta Ketua Pengarah untuk menyusun beberapa lagi program berskala besar, mungkin bertaraf kebangsaan atau antarabangsa, untuk menaikkan indeks pelancongan sekali gus merancakkan lagi ekonomi Labuan dan sosioekonomi penduduknya secara amnya.

## **PENUTUP**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

60. Kesimpulannya, sepanjang tahun 2024 ini pelbagai kejayaan yang telah kita kecapi. Tidak mungkin saya boleh bekerja seorang untuk semua ini. Ini adalah kerjasama semua pihak, termasuk tuan-tuan dan puan-puan di hadapan saya ini dan juga yang menonton. Kejayaan-kejayaan ini perlu disebarluaskan baik di media sosial, media arus perdana dan juga melalui *word of mouth* agar rakyat di luar sana tahu bahawa banyak perkara yang telah Kerajaan MADANI hari ini laksanakan. Semua warga Jabatan Wilayah Persekutuan dan agensi perlu bertindak sebagai *ambassador* untuk menyampaikan kejayaan-kejayaan ini kepada masyarakat di luar sana.

61. Meskipun pelbagai kejayaan yang kita kecapi, ini tidak bermakna kita boleh terus leka dan berpuas hati dengan pencapaian ini. Penambahbaikan yang berterusan itu perlu untuk memastikan kesinambungan daripada kejayaan hari ini akan terus dinikmati dan ditambah baik. *To embrace success is to embrace change; to sustain success is to embrace improvement.*

62. Saya petik semula hadis Ar-Rasul Sallallahu ‘Alaihi Wassalam yang saya kongsi pada ucapan aspirasi awal tahun lalu, iaitu:

إِنَّ اللَّهَ عَزُّ وَجَلٌ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلاً أَنْ يُتْقِنَهُ

*Innallaha ‘azza wajalla yuhibbu izaa ‘amila ahadukum ‘amalan an yutqinah*

Mafhumnya: Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu kerja, dia laksanakan dengan cemerlang

63. Ini yang dikatakan Itqan Fil ‘Amal atau bersungguh-sungguh dalam melakukan setiap pekerjaan. Nilai kerjasama dan keikhlasan dalam menjalankan tanggungjawab adalah amat penting. Perlu untuk para pegawai, baik di JWP maupun di agensi-agensi, untuk memastikan tata kelola yang baik terus diamalkan. Saya ingin tegaskan, tiada tempat di Wilayah Persekutuan untuk pegawai yang terus menerus melanggar integriti dan merosak tata kelola organisasi. Kita akan ambil tindakan tegas sekiranya terbukti.

64. Kepada pegawai-pegawai muda pula, saya akan pastikan anda semua mempunyai ruang dan peluang untuk menyampaikan idea tanpa kotak, dan insya-Allah saya beri jaminan, kita akan teliti dan laksanakan sekiranya didapati idea tersebut *feasible*. Ketua-ketua Agensi juga saya harap, beri juga peluang kepada mereka ini. *Engage with them.*

65. Untuk hala tuju tahun 2025, saya bersama-sama dengan pengurusan tertinggi JWP dan agensi akan mengadakan *retreat* dalam masa terdekat untuk menetapkan hala tuju tersebut dan apa yang perlu menjadi *priority* bagi tahun 2025. Hasil dapatan *retreat* itu nanti, akan saya zahirkan dalam ucapan aspirasi saya pada tahun 2025 yang akan diadakan sekitar bulan Januari 2025 nanti.

66. Kita juga akan terus bergerak bersama-sama dengan kepimpinan Kerajaan Perpaduan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan memberikan tumpuan dalam menggembung segala sumber untuk memacu pertumbuhan ekonomi, menjamin keharmonian dan kesejahteraan rakyat.

67. Akhir kata, saya harap agar pasukan Wilayah Persekutuan yang terdiri daripada semua warga kerja Jabatan Wilayah Persekutuan dan agensi-agensinya *from head to toe*, tidak lagi bekerja dalam zon selesa serta bersifat *territorial* dan *silo* dalam setiap tindakan. Sebaliknya, pasukan ini harus berani membawa perubahan, mencabar *status quo* dan telah bersedia dengan langkah-langkah perubahan dan penambahbaikan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik diterima oleh rakyat.

68. Maju Sejahtera Wilayah Persekutuan! Semoga Allah memberikan segala kebaikan buat kita.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu ‘alaikum warahmatullahi wabarakatuh.